

Perkeso disyor gariskan skim

UM 1 - NOV 2001

KUALA LUMPUR 31 Okt.

Pertubuhan Kebajikan Sosial Pekerja (Perkeso) disaran supaya mengkaji semula jumlah caruman, jenis bencana kerja dan pencen ilat serta jumlah pampasan yang dikeluarkan.

Liow Tiong Lai (BN-Bentong) berkata, satu skim jaringan keselamatan yang lebih mantap dan menyeluruh juga perlu digariskan untuk melindungi para pekerja menghadapi

masalah pemberhentian kerja, kesihatan kerja dan kemalangan kerja.

Katanya, skim faedah kesihatan pekerja perlu diperluas dan dipertingkatkan supaya majikan dan pekerja tidak perlu khuatir tentang kos perubatan serta rawatan, dan semua jenis penyakit diberi rawatan sebaik-baiknya dan kos dibiyai Perkeso.

"Adalah diharapkan pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan juga di-

beri liputan insurans dan penjagaan yang sama," katanya semasa membahaskan Belanjawan 2002, di Dewan Rakyat, hari ini.

Sementara itu, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh (BN-Kangar) meminta semua ahli Parlimen memikul tanggungjawab mencukupkan kuorum setiap kali sidang berlangsung.

Katanya, isu tidak cukup kuorum yang sering dibangkitkan oleh DAP sejak

dulu lagi seolah-olah satu isyarat kepada rakyat bahawa hanya BN mendukung tanggungjawab mencukupkan kuorum.

"Sedangkan ada 45 ahli Parlimen pembangkang di Dewan ini, oleh itu jika tidak cukup kuorum semua ahli Parlimen adalah bersalah, bukannya mana-mana ahli parti," katanya.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) meminta penjelasan sama ada wajar bagi pihak media

jaringan keselamatan

untuk memaparkan kehadiran ahli-ahli Parlimen dalam Dewan dalam akhbar harian mereka.

Alexander Nanta Linggi (BN-Kapit) pula menyifatkan dasar meritokrasi bagi memasuki institusi pengajian tinggi awam yang dicadangkan oleh kerajaan sebagai tidak adil dan akan membebankan pelajar luar bandar.

Beliau berkata, pelajar luar bandar menuntut di sekolah yang serba keku-

rangan terutama dari segi kemudahan pembelajaran, oleh itu prestasi mereka pasti jauh berbeza berbanding di bandar.

Sementara itu, Mastika Junaidah Husin (BN-Arau) berkata, peruntukan Belanjawan 2002 untuk pembangunan wanita kira-kira RM59 juta adalah membuktikan kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad peka kepada persamaan hak antara jantina.

Menurutnya, walaupun pembangkang sering mendakwa diri mereka sebagai memperjuangkan nasib wanita tetapi hakikatnya tidak benar, malah menganiaya wanita.

Pas, ujar beliau, bukan saja mengenakan pelbagai peraturan untuk menyekat perkembangan dan kemajuan wanita di Kelantan dan Terengganu, malah tidak berani meletakkan wanita untuk bertanding pada pilihan raya.